

PUM jangan emosional — PM

UM - 4 DEC 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta Persatuan Ulama Malaysia (PUM) tidak bersikap emosional dalam membuat ketetapan berhubung isu serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Afghanistan.

Beliau sebaliknya berkata, persatuan tersebut perlu berfikir lebih praktikal sebelum membuat apa-apa keputusan seperti memulaukan barangan serta perkhidmatan AS.

Katanya, beliau percaya dan bersetuju dengan pandangan PUM bahawa adalah haram menyokong AS secara langsung dalam operasi ketenteraan mereka terhadap Afghanistan atau mana-mana negara Islam.

"Tetapi secara tidak langsung, payah sikitlah fasal kapal terbang dia (AS) pun kita pakai juga.

"Kita nak pergi buat kerja haji pun kita pakai kapal terbang

dia. Itu memperkayakan Boeing secara tidak langsung, maknanya kita tolong AS. Itu saya tak setuju," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa di kediaman Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah di sini malam ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas Ijtimak Khas Ulama Malaysia anjuran PUM dan Persatuan Ulama Kedah semalam berhubung isu Afghanistan, yang membuat ketetapan bahawa sebarang bentuk sokongan sama ada secara langsung atau tidak terhadap operasi ketenteraan AS di Afghanistan atau mana-mana negara Islam lain sebagai haram.

Ijtimak itu juga menetapkan serangan AS ke atas negara-negara Islam atas nama memeringi keganasan adalah suatu bentuk serangan ke atas Islam dan umatnya.

Sehubungan itu, umat Islam diajak memulau semua barang,

perkhidmatan dan kegiatan sosial AS.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak pernah menyokong secara langsung tindakan AS menyerang Afghanistan dan berharap pihak-pihak lain mengikut jejak yang sama.

Namun, jelas beliau, tindakan untuk memulau barangan dan perkhidmatan dari AS sepatutnya tidak dilakukan secara terburu-buru.

Ini kerana ia boleh menyusahkan kehidupan umat Islam sendiri termasuk dalam urusan mengerjakan ibadat haji.

Katanya, langkah itu juga mungkin akan menyusahkan anak-anak kalangan ulama itu sendiri yang berada di luar negara termasuk yang berada di AS.

"Kita kena fikir secara praktikal. Benda yang kita boleh buat, kita buat... yang kita tak boleh buat tak usah cakaplah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, PUM tidak berhak membuat sebarang fatwa berhubung persoalan agama di negara ini.

Beliau berkata, di Malaysia, fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa daripada pihak berkuasa.

"Kalau pihak mereka tidak suka dan menentang operasi tentera AS, tindakan AS di Afghanistan, mereka pun saya percaya dapat memahami bahawa kerajaan kita 'pun tak sokong.

"Kerajaan kita menentang keganasan tetapi tidak menyokong tindakan Amerika menyerang Afghanistan. Ini sudah menjadi satu pengetahuan umum. Soal nak buat fatwa adalah hak jawatankuasa fatwa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Imigresen di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara dekat sini.